

TARIKH: 4/6/2023  
SURAT KHABAR: Mingguan malaya  
MUKA SURAT: 12

12

MINGGUAN MALAYSIA  
AHAD • 4 JUN 2023

## Wawancara

### PENGANGGURAN

**M**INGGUAN MALAYSIA: Berapakah kadar pengangguran di Malaysia setakat ini dan adakah ia di tahap serius?

**SIVAKUMAR:** Berdasarkan statistik tenaga buruh Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran pada suku pertama tahun 2023 adalah 3.5 peratus. Ia menunjukkan ekonomi negara berada pada tahap guna tenaga penuh selagi mana kadar tidak melebih empat peratus. Pada kadar ini, ia bukan dianggap teruk dan normal berbanding pandemik yang mencecah 4.5 peratus.

Pasaran buruh di negara ini juga kekal berdaya tahan dengan kadar pengangguran lebih rendah berbanding tempoh pandemik. Saya menjangkakan untuk tahun ini, jumlah peratusan turun lagi. Tetapi tidaklah sampai ke tahap kosong peratus. Ia mustahil.

Kita pun sudah adakan pelbagai program penempatan pekerjaan seperti *MYFuture Jobs* dan dibuat di seluruh negara. Selain itu, ada pelbagai program latihan dan pembangunan bagi memastikan tenaga pasaran yang kita mempunyai kemahiran tertentu termasuk Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Bagaimanapun, isu sebenarnya bukan angka 3.5 peratus itu. Apa yang jadi masalah sekarang daripada angka tersebut sebahagian besarnya adalah dalam kalangan anak muda. Kadar pengangguran secara keseluruhan tidak mengira umur. Tetapi, kalau kita pecahkan lagi kadar pengangguran, sebenarnya ia masih tinggi dalam kalangan anak muda. Jadi, saya fokus untuk membantu golongan tersebut.

Ini kerana anak muda lebih suka pilih kerja 'kolar putih' berbanding 'kolar biru'. Tetapi ia bukan satu-satunya punca. Faktor lain adalah terdapat anak muda yang keluar universiti tetapi tidak memiliki kemahiran dan kepakaran yang diperlukan industri.

Ini pun satu isu dan menjadi bebanan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan graduan yang kita hasilkan sama ada dari universiti awam (UA) maupun kolej adalah mereka yang benar-benar diperlukan industri.

Selain itu, ada peluang lain bagi anak muda di mana mereka boleh mendapat pendapatan walaupun tidak bekerja secara sepenuh masa. Jadi, macam mana kita hendak kategorikan mereka? Adakah mereka bekerja atau menganggur?

Kalau awak kerja dengan seseorang ada majikan, itu bekerja. Bagaimana kalau bermiaga dalam talian? Itu belum lagi yang menjadikan sukan e-sport sebagai mata pencarian.

### LATIHAN

Adakah kerajaan akan menilai semula program upskilling dan reskilling terutama dengan pengenalan Artificial Intelligence (AI) dan isu pekerjaan dalam kalangan graduan?

Masalah sekarang adalah trend berubah dengan pantas. Jadi, latihan yang kita tawarkan sama ada latihan berbentuk industri, vokasional atau TVET, ia mesti selaras dengan peredaran

# Gaji perlu pelan progresif - Sivakumar

### MUKADIMAH

ISU tenaga kerja, gaji dan pengangguran membengelu kerajaan tanpa mengira siapa pun yang memerintah.

Ia antara aspek yang sering kali dilihat dan menjadi perhatian masyarakat lebih-lebih lagi dengan kos sara hidup semakin tinggi pada masa kini. Apatah lagi ia saling berkait rapat dan turut menjadi petunjuk kepada tahap ekonomi sesebuah negara.

Wartawan Mingguan

Malaysia, MOHAMAD

HAFIZ YUSOFF BAKRI

menemuramah Menteri Sumber Manusia,

V. SIVAKUMAR

bagi mendapatkan perspektif beliau. Turut membantu jurufoto, FAIZ ALIF ZUBIR.



"

Faktor lain adalah terdapat anak muda yang keluar universiti tetapi tidak memiliki kemahiran dan kepakaran yang diperlukan industri."

zaman. Kalau tidak, kita akan buat sesuatu yang tidak mengikut industri. Hari ini, kita sudah cakap mengenai AI dan ia sentiasa berubah. Sebab itu, saya beritahu semua agensi fokus kepada trend apa yang diperlukan industri, bukannya apa yang kita ada.

Justeru, kita juga sentiasa berusaha untuk meningkat dan memperkuuhkan kompetensi sumber manusia bagi menyokong peralihan tiga pekerjaan masa depan dan penggunaan automasi dan mekanisasi sekali gus mengurangkan kebergantungan buruh asing.

Pelbagai program dilaksanakan secara berterusan di pelbagai peringkat dan golongan sasar dengan tujuan mengecilkan jurang kemahiran pekerjaan melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian ini.

### GARIS PANDUAN GAJI

Adakah kerajaan bersedia melaksanakan langkah khusus seperti garis panduan gaji minimum dan caruman untuk mengawal selia sektor e-hailing dan p-hailing?

Saya sedang melihat perkara ini sebagai salah satu trend global. Ketika pandemik, ramai hilang kerja dan beralih ke sektor ini. Selepas pandemik pun begitu juga sektor ini tidak mengecil. Hari ini jumlah pekerja gig sudah mencecah 1 juta. Setakat ini, di bawah Perkeso, mereka boleh membuat caruman untuk skim keselamatan sosial.

Bagaimanapun, kita tidak boleh paksa mereka dan kita tiada undang-undang untuk kawal selia mereka. Ada baik dan buruknya apabila mereka tidak terikat. Apa yang jadi masalah sekarang, ada yang mahukan garis panduan dan undang-undang, tetapi ada pula yang menentang apabila bercakap soal kawal selia.

Dalam kalangan mereka, sudah ada yang tiada persefahaman. Bagaimanapun, sebagai sebuah kerajaan prihatin, kita tidak boleh biarkan ia begitu sahaja. Untuk kita merangka dan melaksanakan undang-undang ini akan mengambil masa dan bukan sesuatu yang mudah. Jadi, penting untuk kita buat garis panduan supaya ia menjadi satu dasar untuk sementara waktu sebelum

kita pergi kepada akta sebenar.

Saya sudah berbincang dengan Timbalan Ketua Setiausaha saya supaya tidak melambat-lambatkan tentang isu ini. Kalau boleh sediakan garis panduan dalam tempoh terdekat. Saya bagi mereka dua minggu untuk saya dapatkan garis panduan secara kasar.

### TENAGA KERJA INDONESIA

Duta Indonesia sebelum ini menuntut janji Malaysia dalam isu berhubung keadilan membabitkan tenaga kerja Indonesia. Bagaimana komitmen Malaysia setakat ini?

Saya mengambil berat isu ini. Tetapi bukan bermakna saya defensif. Dakwaan yang dibuat Indonesia ada asasnya.

Saya tidak katakan ia serius. Tetapi kalau ada satu kes pun ia tetap kes. Setakat ini, saya sudah berjumpa dengan Menteri Tenaga Kerja Indonesia, Dr. Ida Fauziyah, sebanyak dua kali.

Dalam dua pertemuan itu, isu yang dibangkitkan beliau adalah soal kebijakan pekerja domestik Indonesia (PDI). Beliau bimbang dan takut tentang keselamatan mereka dengan beberapa kes yang berlaku di negara kita. Jadi, saya sudah beri arahan kepada JTK kalau ada salah laku majikan, tindakan tegas harus diambil. Ini jaminan saya.